

KENYATAAN MEDIA • 8 MAC 2022

Hak Kesihatan Keibuan, Seksual dan Reproduktif Wanita di Malaysia mesti Dipertingkatkan

Pada Hari Wanita Antarabangsa 2022, kami bersama-sama menyeru peningkatan hak kesihatan wanita, keibuan, seksual dan reproduktif untuk semua penduduk di Malaysia. Kesihatan wanita merupakan tumpuan sejagat, melalui Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ([United Nations Sustainable Development Goals](#)) 3 (Kesihatan & Kesejahteraan) dan 5 (Kesaksamaan Jantina).

Pelbagai langkah yang penting mesti dilaksanakan dalam memastikan semua wanita di Malaysia akan menerima penjagaan kesihatan dan layanan yang adil. Kami menyeru kerajaan, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Pembangunan Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk:

1. Melibatkan perangkaan kesihatan ibu, seksual dan reproduktif ke dalam agenda awam dan komitmen antarabangsa Malaysia.

Kadar kematian ibu bersalin, kadar kehamilan remaja and peratusan wanita yang boleh mendapatkan kontraseptif selamat adalah contoh metrik kesihatan ibu, seksual dan reproduktif. Perangkaan ini bukan sesuatu yang bersifat pantang ("*taboo*"). Sebaliknya, perangkaan ini harus dijadikan sebahagian daripada agenda awam Malaysia serta komitmen antarabangsa negara melalui perjanjian, konvensyen dan deklarasi antarabangsa. Apabila perangkaan ini diketengahkan, penambahbaikan seperti penyusutan kadar kematian ibu bersalin di Malaysia daripada 280/100,000 (1957) kepada 25/100,000 (2018) akan lebih mudah dicapai.

2. Melihat isu kesihatan wanita sebagai isu kesihatan awam dan bukan isu wanita semata-mata.

[Separuh populasi](#) Malaysia adalah wanita. Oleh itu, kesihatan wanita adalah kesihatan awam. [Matlamat kesihatan awam](#) adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan seluruh populasi. Kita mesti memastikan akses yang mudah kepada maklumat, perkhidmatan saringan, pendidikan sendiri dan alat pengurusan diri dalam menggalakkan pengetahuan sendiri dalam kesihatan seksual and reproduktif. Ini boleh dicapai melalui kerjasama antara KPWKM, MOH, serta pemegang taruh lain yang berkaitan. Selain itu, pengumpulan data yang berkesan tentang kesihatan wanita, seksual dan reproduktif mesti dilaksanakan dan dimasukkan dalam analisis kesihatan awam Malaysia. Ini termasuk usaha untuk mengarusperdanakan hal-ehwal jantina ke dalam belanjawan negara, dan memantau peruntukan untuk perkhidmatan kesihatan wanita, perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif, serta perkhidmatan untuk mangsa dan pemandiri keganasan berasaskan jantina ("*gender-based violence*"). Strategi yang berkesan mesti dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan dan kebolehcapaian perkhidmatan Pusat Krisis Sehenti (OSCC) bagi pemandiri keganasan berasaskan jantina.

3. Memperkasakan penjagaan kesihatan primer terhadap keganasan berasaskan jantina dan keganasan rumahtangga.

Kadar keganasan rumahtangga yang dilihat dalam klinik penjagaan kesihatan primer awam jauh melebihi kadar di Semenanjung Malaysia (22% berbanding 9%), seperti yang didedahkan oleh kajian [Universiti Malaya](#) pada tahun 2019. Namun begitu, penjagaan kesihatan primer masih belum mampu menangani masalah keganasan rumahtangga masih secara sistematik. Pemandiri keganasan rumahtangga yang meminta pertolongan daripada Klinik Kesihatan tidak menerima sokongan yang mencukupi kerana kakitangan kesihatan tidak dilengkapi dengan kemahiran untuk mengenal pasti tanda-tanda penderaan atau untuk menawarkan sokongan peringkat awal, ataupun merujuk kepada pakar yang lain. Oleh itu, infrastruktur penjagaan kesihatan primer untuk 2000 lebih Klinik Kesihatan seluruh Malaysia.

4. Melaksanakan undang-undang untuk memastikan setiap wanita memiliki hak untuk kesihatan.

Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus atau universal mengenai kesihatan wanita. Oleh itu, undang-undang baharu untuk melindungi hak kesihatan semua wanita di Malaysia mesti diluluskan, dan disokong dengan pemerkasaan sistem kesihatan sewajarnya. Secara khususnya, semua wanita harus mempunyai akses kepada penjagaan kesihatan, dan halangan fizikal, kebudayaan, keagamaan, emosi atau kewangan perlu dihapuskan. Untuk mencapai perkara ini, kita memerlukan pendekatan pelbagai pihak yang diketuai KPWKMM dan KKM, dengan kerjasama daripada Kementerian Sumber Manusia, Perdagangan, Hal Ehwal Agama dan Pendidikan.

Kekurangan akses kepada perkhidmatan kesihatan maternal, seksual dan reproduktif yang mencukupi adalah suatu isu global, dan Malaysia tidak terkecuali. Isu ini lebih ketara dalam populasi tertentu, seperti golongan remaja, wanita yang belum berkahwin, pendatang dengan atau tanpa dokumentasi, orang pelarian, orang tanpa kerakyatan, wanita yang hidup dengan HIV, wanita kurang upaya dan kumpulan LGBTQ+. Penjagaan kesihatan tidak boleh mengamalkan sebarang diskriminasi. Tanpa mengira situasi, setiap orang mesti menerima rawatan perubatan secara adil dan tanpa prejudis. Hak wanita bukan sahaja hak asasi manusia, tetapi merupakan isu kesihatan awam global.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.

Diselaraskan oleh:

1. Malaysian Health Coalition (MHC)
2. Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia (OGSM)
3. Women's Aid Organisation (WAO)
4. Dr Ivanna Sim dan Aizat Ahmad Zaini (MHC). Isabel Chung dan Rusni Tajari (WAO).

Ditandatangani oleh:

1. Academy of Medicine Malaysia
2. All Women's Action Society (AWAM)
3. Association of Malaysian Optometrists
4. Association of Women Lawyers
5. Boleh Space
6. Centre for Independent Journalism (CIJ)
7. College of Physicians
8. College of Surgeons Academy of Medicine of Malaysia
9. Dermatology Society of Malaysia
10. Justice for Sisters
11. Lung Cancer Network of Malaysia
12. Malaysian Association of Environmental Health
13. Malaysian Medical Association
14. Malaysian Nurses Association
15. Malaysian Paediatric Association
16. Malaysian Pharmacists Society
17. Malaysian Sign Language and Deaf Studies Association (MyBIM)
18. Malaysian Society of Anaesthesiologists
19. Malaysian Society of Clinical Psychology
20. Malaysian Thoracic Society
21. Medical Practitioners Coalition Association of Malaysia
22. Our Journey
23. Perinatal Society of Malaysia
24. Persatuan Sahabat Wanita Selangor
25. Pink&Teal EmpowHer

Untuk Pertanyaan: malaysianhealthcoalition@gmail.com

[Website](#) | [Facebook](#) | [Twitter](#)

26. Protect and Save the Children
27. Public Health Malaysia
28. Reproductive Health Association of Kelantan (ReHAK)
29. Reproductive Rights Advocacy Alliance Malaysia (RRAAM)
30. Sarawak AIDS Concern Society
31. Sarawak Women for Women Society
32. SEED Malaysia
33. Sisters in Islam (SIS)
34. SIUMAN (Rangkaian Solidariti Demokratik Pesakit Mental)
35. Society for Equality, Respect And Trust for All Sabah (SERATA)
36. Soroptimist International Club of Petaling Jaya SIPJ
37. SPOT Community Project
38. Assoc Prof Dr Uma Devi Palanisamy
39. Dato' Dr Jahizah Hassan
40. Dato' Dr Amar Singh-HSS
41. Dr Khor Swee Kheng
42. Prof Dr Roslina Abdul Manap
43. Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh
44. Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy